Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



# Buku Panduan Kosa Kata Bahasa Melayu untuk murid SJKT

Oleh Thiviyah Manicam



SERDANG, 10 Dis – Sekumpulan pensyarah dan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) serta guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) menghasilkan Buku Panduan Kosa Kata Bahasa Melayu SJKT untuk menggilap murid SJKT dalam subjek Bahasa Melayu.

Buku itu dilancarkan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris di sini. Majlis turut dihadiri Ketua Pengarah Unit Pembangunan Sosio-Ekonomi Masyarakat India (SEDIC), Jabatan Perdana Menteri, Prof. Datuk Dr. Rajendran Nagappan dan Presiden Pertubuhan Tulir Malaysia, Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam.

Pelancaran buku itu merupakan lanjutan daripada Program Guru Celik Bahasa Kebangsaan SJKT 2015/2016 yang melibatkan sekolah-sekolah Tamil di lima negeri terpilih iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan.

Hasil Program Guru Celik Bahasa Kebangsaan SJKT itu mendapati bahawa guru bukan opsyen Bahasa Melayu di SJKT dan mahasiswa UPM berbakat dalam menghasilkan buku panduan kosa kata bahasa Melayu.

LIHAT JUGA



Persatuan Alumni PALAPES U-PUTRA dilanc
(/berita/persatuan_alumni_palapes_u_putra_
37115)




Prof. Ali terima anugerah MSM
(/berita/prof_ali_terima_anugerah_msm-371




ICBAA2017 bincang aplikasi 'Big Data' untu
tambahbaik urus tanaman
(/berita/icbaa2017_bincang_aplikasi_big_dat
mbahbaik_urus_tanaman-37107)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1513731000




BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini berkata UPM sentiasa memberi sokongan kepada program berasaskan akademik yang dirancang oleh Pertubuhan Tulir Malaysia dalam meningkatkan prestasi subjek Bahasa Melayu di kalangan murid SJKT.

Katanya, ini adalah kali pertama di Malaysia buku-buku panduan berasaskan kosa kata Bahasa Melayu dilancarkan untuk kegunaan murid SJKT.

Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy yang juga pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, UPM pula berkata, masalah kekurangan buku panduan bagi guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan di pasaran telah melahirkan inisiatif bagi beliau dan ahli kumpulan untuk menghasilkan buku panduan pengajaran Bahasa Melayu bagi tahap satu dan dua.

Buku yang dihasilkan termasuk satu set yang mengandungi lima jenis buku bagi tahap satu dan tahap dua yang dihasilkan berpandukan buku teks dengan setiap helaian buku teksnya dikupas dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Beliau yang juga pemilik inovasi buku panduan kosa kata bahasa Melayu berkata beliau menggunakan buku teks SJKT tahap satu dan tahap dua untuk menghasilkan buku panduan kosa kata itu supaya guru subjek bahasa Melayu dapat membiasakan murid-murid dengan perbendaharaan kata yang sedia ada dalam buku teks. - UPM

Kemaskini:: 15/12/2017 [syifarida]

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fbuku_panduan_kosa_kata_bahasa_melayu_untuk_murid_sjkt-37089&title=Buku%20Panduan%20Kosa%20Kata%20Bahasa%20Melayu%20Untuk%20Murid%20SJKT%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus)

(/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)

Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.r

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n 8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/D

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.e

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k

Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli

B1513731000

BM

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950)
RSS (/footnote/rss-29951) Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2017 Universiti Putra Malaysia

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

B1513731000